

## UMP Rai Staf Akademik dan Felo Tamat Pengajian



Kuantan, 7 Julai – Seramai empat belas staf akademik dan Felo UMP yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam Ijazah Doktor Falsafah (PhD) baru-baru ini dirai dalam Majlis Penghargaan dan Apresiasi bertempat di Dewan Bankuet, Canseleri, UMP Gambang.

Program anjuran Jabatan Pendaftar dihadiri dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus yang turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Dato' Dr. Yuserrie Zainudin dan Pemangku Pendaftar, Abd Rahman Safie.

Menurut Dato' Rosli, program ini bertujuan bagi menghargai sembilan staf akademik dan lima felo yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka pada masa yang ditetapkan malahan ada di antaranya lebih awal dari masa sebenar.

"Di atas kejayaan ini mereka pada hari ini menerima sedikit sumbangan insentif kecemerlangan dengan jumlah mengikut kepada tempoh tamat pengajian mereka masing-masing," katanya.

Tambah beliau, berdasarkan data sehingga 30 Jun lalu, UMP memiliki seramai 337 staf akademik yang berkelulusan Phd dan daripada jumlah tersebut seramai 190 berjaya menerima intensif kecemerlangan ini.



Selain universiti dalam negara, kebanyakannya mereka juga menyambung pengajian luar negara seperti di Jerman, Amerika Syarikat, United Kingdom, Ireland dan Jepun. Katanya, menerusi peningkatan bilangan ini menunjukkan pencapaian yang positif UMP dari tahun ke tahun.

Salah seorang pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan yang berjaya menamatkan pengajian tiga bulan lebih awal pada peringkat sarjana kedoktoran PhD adalah Dr. Zamzuri Hamedon yang menuntut di Toyohashi University Of Technology, Jepun.

Beliau sendiri tidak menyangka dapat menamatkan pengajian lebih awal dan berkongsi kunci kejayaannya antaranya perlu pandai membahagikan masa antara keluarga dan pelajaran.

Katanya juga yang paling penting adalah kita perlu merancang dan berdisiplin apa yang kita perlu capai dalam sesuatu tempoh. Selain itu juga perlu kerap berjumpa dengan penyelia sehinggakan beliau sendiri akan memastikan berjumpa dengan penyelia, Ken-Ichi Ro Mori sebanyak dua kali setiap hari. Pada masa yang sama majlis turut berlangsung penyampaian surat kenaikan pangkat staf akademik dan bukan akademik dalam pelbagai jawatan.

***Disediakan Bahagian Komunikasi Korporat PNC.***

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 23-09-2015, 12:58:50